

# Inisiatif penduduk atasi kes pecah rumah



Chee Heng merasmikan Skim Pondok Pengawal Keselamatan di Bandar Saujana Putra.

**BANDAR SAUJANA PUTRA** - Inisiatif penduduk di SP10 Royale Home, Bandar Saujana Putra mewujudkan Skim Pondok Pengawal Keselamatan bagi membantu mengurangkan kes jenayah wajar dipuji.

Adun Telok Datok, Loh Chee Heng berbik, beliau sendiri menggalakkan *gated and guarded* di kawasan perumahan bagi menjamin keselamatan penduduk.

"Paling kurang pun, wujudkan skim rondaan komuniti bagi mengelak masalah berlaku.

"Saya harap dengan kewujudan Skim Pondok Pengawal yang diwujudkan ini, ia benar-benar berfungsi dan membantu," katanya ketika merasmikan skim itu.

Chee Heng berkata, penduduk me-

**“Saya harap dengan kewujudan Skim Pondok Pengawal yang diwujudkan ini, ia benar-benar berfungsi dan membantu.”** - Loh Chee Heng

maklumkan kawasan perumahan baharu tidak sampai setahun itu yang mempunyai kira-kira 700 unit rumah sering dipecah masuk pada waktu siang.

"Jadi inisiatif *gated and guarded* ini sebolehnya membantu dalam menangani masalah pecah rumah pada waktu siang.

"Selepas ini saya akan lihat sejauh mana skim ini membantu mengurangkan kes jenayah," katanya.